

Anak yatim teruja lawat zoo mini di Bukit Gambang

35

KUANTAN - Kegembiraan terpancar di wajah 167 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Nur Iman dan Rumah Penyayang Tun Abdul Razak apabila diberi peluang melawat zoo mini yang terdapat di Bukit Gambang.

Rata-rata mereka kali pertama mengunjungi Safari Park Bukit Gambang Resort City mengakui berasa teruja.

Program Sentuhan Kasih anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian negeri Pahang (PKKP) memberi ruang kepada anak yatim untuk mengikuti program yang dibimbing para mahasiswa UMP.

Naib Canselor UMP, Prof. Dato Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kepelbagaian pengisian aktiviti tersebut dapat memberi galakan dan motivasi kepada peserta untuk lebih semangat dalam meniti cabaran kehidupan sebagai anak yatim.

Menurutnya, di samping



Sebahagian anak yatim yang menyertai lawatan ke Safari Park Bukit Gambang City.

itu ia dapat menyuntik kesedaran dalam diri mereka bahawa walaupun tanpa ibu atau bapa di sisi, masih ramai individu banyak pihak yang mengasihi dan mengambil berat perihal anak-anak yatim ini.

“Kita amat bersyukur kerana selain sumbangan kewangan kepada dua rumah anak yatim tersebut, pihak PKPP turut menaja peralatan sekolah kepada para anak yatim yang terlibat dalam program ini,” katanya ketika ditemui selepas berakhirnya

lawatan di Safari Park.

Jelasnya, program ini selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016 - 2020, dan pihak pengurusan Universiti ini komited untuk memasyarakatkan UMP melalui dua medium utama iaitu kepakaran teknologi dan gerak kerja kesukarelawan dapat dilaksanakan.

Menurutnya, bagi menjayakan agenda Universiti Komuniti, pihak pengurusan universiti ini sentiasa menyambut baik sebarang hasrat daripada mana-mana

jabatan, agensi atau badan berkanun Persekutuan dan Negeri, syarikat berkaitan kerajaan, badan swasta, pertubuhan awam atau individu untuk berkolaborasi dalam pelbagai bentuk demi faedah umum.

Dalam pada itu, Dr Daing memberitahu, dana MyGift setakat ini telah digunakan bagi peruntukan biasiswa, hadiah kecemerlangan akademik, program Kongsi Rezeki dan Food For All, bantuan bencana dan sebagainya.